

**MAJLIS PERHIMPUNAN PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

**Teks Ucapan**

***BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 8 Ogos 2011, di Dewan 2020, Kangar Perlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis,

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Dato' Azizan bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat,

Wakil-wakil media dan seterusnya para penjawat awam yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan keizinanNya, membolehkan kita untuk bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Perhimpunan Bulanan Kakitangan Perkhidmatan Awam Perlis. Saya mewakili seluruh warga UniMAP ingin mengucapkan selamat datang kepada semua penjawat awam negeri Perlis ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) – sebuah **Universiti Pilihan yang Berdaya Saing’ / ‘A Competitive University of Choice’**. Di kesempatan ini, ingin saya titipkan jutaan terima kasih buat Kerajaan Negeri Perlis kerana memberi peluang kepada UniMAP untuk mengelola perhimpunan bulanan kita ini.

Hadirin sekalian,

Sebagai mereka yang diamanahkan menjadi tulang belakang kepada agensi perkhidmatan awam, seharusnya anda memegang amanah ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan memelihara amanah dengan sebaiknya. Hal ini kerana kita sebagai penjawat awam perlu menyokong setiap program yang dianjurkan oleh kerajaan bagi mentransformasikan negara kita menjadi negara yang maju tidak lama lagi. Sebagai contoh adalah Program Transformasi Kerajaan atau secara ringkasnya GTP, iaitu untuk

mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat; dan seterusnya memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan ‘standard’ kehidupan yang tinggi untuk semua bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Ini adalah sejajar dengan misi nasional Negara iaitu ke arah mencapai Wawasan 2020 di mana Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya.

Dewasa ini, prestasi penjawat awam tidak hanya diukur dari segi daya kepandaiaan, kelayakan akademik atau kemahiran semata-mata tetapi juga dari segi nilai kerohanian beserta tahap integriti yang tinggi. Oleh itu semua penjawat awam perlu menjalankan tugas dengan dedikasi, menjauhkan diri dari amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa serta pilih kasih ketika membuat keputusan dalam tugas sehari-hari. Setiap penjawat awam perlu memiliki nilai-nilai murni supaya dapat menyumbangkan bakti yang optimum bukan sahaja kepada masyarakat malah kepada agama juga Negara. Ini bermakna kita harus bekerja secara radikal supaya kita dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada masyarakat dan Negara.

Hadirin sekalian,

Dikesempatan yang ada ini ingin saya kongsikan perasaan saya sepanjang bergelar Naib Canselor UniMAP selama ini. Universiti

Malaysia Perlis (UniMAP) amat bertuah kerana sejak penubuhan UniMAP yang sebelum ini dikenali sebagai KUKUM (Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia) pada tahun 2002 dan ditukar nama menjadi UniMAP pada Februari 2007, kita mendapat sokongan dan kerjasama sepenuhnya dari Kerajaan Negeri Perlis. Pelbagai agenda telah kita rencanakan bagi memastikan penubuhan UniMAP mampu menyumbang ‘sesuatu’ yang bermakna dan manfaat khususnya kepada negeri Perlis. Hari ini sekali lagi, ingin saya mengajak anda sekalian untuk menyoroti kenangan penubuhan UniMAP di negeri Perlis yang kita cintai ini serta ingin saya kongsikan kejayaan yang telah diraih oleh UniMAP hasil sokongan padu yang diterima dari Kerajaan Negeri.

UniMAP merupakan sebuah IPTA yang mengamalkan konsep kampus teragih dimana, letaknya di seluruh negeri Perlis. UniMAP sebenarnya berpusat di Pauh Putra dan kampus tetap UniMAP dikenali sebagai Kampus Alam UniMAP. Kampus alam UniMAP ini meliputi kawasan seluas 1,028 ekar. Selain kampus alam UniMAP, terdapat juga **Kampus Hijau** UniMAP di Sungai Chuchoh yang berkeluasan 253 ekar. Di kampus Hijau ini telah menempatkan Stesen Penyelidikan Agroteknologi dengan pelbagai teknologi pertanian terkini termasuk lima buah Rumah Hijau Berteknologi Tinggi. Bagaimanapun, kampus UniMAP yang terbesar pada masa ini ialah Kampus Kota yang teragih di seluruh bandar Kangar dan Kuala Perlis.

Hadirin sekalian,

UniMAP di usia sembilan tahun penubuhannya, telah berjaya melahirkan graduan yang berkualiti dan menjadi rebutan di pasaran pekerjaan sama ada di industri atau syarikat nasional serta multinasional. Sebagai bukti, bermulanya tahun 2006 (konvokesyen pertama) sehingga kini, graduan kelahiran UniMAP telah ditawarkan pekerjaan sebelum konvokesyen diadakan. Misalnya bagi **kohort pertama-2006 - 100% mendapat pekerjaan, Kohort kedua-2007 - 88%, Kohort ketiga iaitu pada tahun 2008 – 85% dan Kohort keempat 2009 – 68%**. Manakala bagi Kohort kelima iaitu pada tahun 2010, sebanyak **76% telahpun mendapat pekerjaan**. Ini adalah data yang saya perolehi setakat 6 bulan selepas mereka bergraduat. Secara puratanya, peratus kebolehpasaran graduan UniMAP dari tahun 2006 hingga 2010 adalah **80 peratus**. Selebihnya adalah mereka yang tidak dapat dikenalpasti status pekerjaannya. Namun saya percaya, mereka sedang mencipta kerjaya masing-masing. Manakala 80 peratus yang bekerja ini adalah mereka yang telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi.

Hadirin sekalian,

UniMAP sangat bergerak aktif dalam bidang pembangunan dan penyelidikan di mana pada Februari lalu, UniMAP telah membuka

tirai 2011 dengan menyertai Malaysia Technology Expo (MTE) 2011 yang diadakan bermula 17 Februari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang disertai 488 produk dengan lebih 350 peserta dan 300 penyelidik dari pelbagai Institusi Akademik dan Penyelidikan, agensi kerajaan dan swasta dari seluruh Malaysia, tidak ketinggalan dari luar negara antaranya Iran, Croatia, Poland, Arab Saudi, Korea dan Emiriah Arab Bersatu. Dalam MTE 2011 itu, UniMAP menduduki tempat ketiga apabila memperolehi empat pingat emas. Lebih membanggakan lagi, UniMAP turut menerima lima anugerah khas iaitu anugerah “Best Biotech Award”, anugerah Khas, ‘Grand award’ dari kerajaan Korea, ‘The very Best Award’, ‘Special Award Korea’, dan ‘Special Award Croatia’.

UniMAP selain itu, semakin mengorak langkah dengan meraih pelbagai kejayaan dalam bidang pembangunan dan penyelidikan seperti pada **International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX)** ke 22, 2011 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Mei lalu. ITEX2011 merupakan pameran terkemuka di Asia dan sebanyak 722 produk penyelidikan dari 14 negara iaitu Malaysia, Russia, Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Sri Lanka, the Philippines, Korea, China, Hong Kong, Taiwan, Brunei and Vietnam menyertai pameran ini. Pada pameran itu, UniMAP telah menghantar 50 produk penyelidikan.

UniMAP berjaya meraih tempat **pertama keseluruhan** dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 pingat gangsa, melayakkan UniMAP dinobatkan sebagai penerima Anugerah Patron pada ITEX2011 kerana pungutan pingat tertinggi. UniMAP turut meraih anugerah Best Green Invention 2011 melalui produk A New Potential Organo Metallic Conductive Polymer As A Sensor For BTEX Detector oleh Dr. Supri A. Ghani dan kumpulan penyelidiknya.

Pada ITEX 2011 juga , Malaysian Invention And Design Society (MINDS) turut memberikan anugerah **Champion of MINDS** kepada saya. Anugerah tersebut sebagai satu pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha-usaha yang dilakukan dalam menaikkan inovasi dan penyelidikan untuk penyelidik muda ke peringkat lebih tinggi.

UniMAP juga turut meraih kemenangan seratus peratus dalam **39th International Exhibition Of Invention New Techniques & Products (Geneva) yang diadakan** di Palexpo, Geneva Switzerland. Dalam pameran yang berlangsung 6 hingga 10 April lalu, kita meraih dua pingat emas dan dua pingat perak. Satu pencapaian yang cukup membanggakan bagi UniMAP.

Sementara itu, kedudukan terkini UniMAP dalam ranking ;

- 1. Webometric - Ranking of World Universities (Malaysia) ,  
UniMAP berada dikedudukan ke 1299 Dunia dan ke lapan  
di peringkat IPT.**

**2. SCOPUS – Kedudukan ke 16 di Malaysia.****3. Top universities in Malaysia – di tempat 749 dunia dan tempat ke 4 di Malaysia**

Selain bidang penyelidikan, UniMAP juga cemerlang dalam bidang sukan dimana dalam Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun edidi ke – 7 (SUKANUN) 2011 Kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UniMAP berjaya merangkul lima pingat dimana dua pingat emas dalam acara golf dan bola sepak sembilan sebelah, dua pingat perak menerusi Tenpin Boling Berpasukan Lelaki dan Futsal Wanita serta satu pingat gangsa menerusi Tenpin Boling All Event. Bagi keseluruhan kejohanan, UniMAP berjaya menduduki tempat kelima dari 70 agensi yang bertanding. Untuk makluman, UniMAP bakal menjadi tuan rumah bagi kejohanan ini yang akan diadakan pada tahun 2013. Penganjuran di negeri Perlis ini secara tidak langsung dapat meningkatkan industri pelancongan serta merangsang pertumbuhan ekonomi negeri Perlis kerana lebih 7,000 ribu atlet akan membanjiri Perlis.

UniMAP juga turut muncul johan menerusi Regu UniMAP ‘A’ bagi Kejohanan Sepak Takraw Piala DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, 2011 yang telah berlangsung pada 13 hingga 15 Mei 2011 bertempat di Dewan Politeknik Syed Sirajuddin, Pauh. Regu ini berjaya menewaskan Tentera JLJ (3-0) dalam satu perlawanan sengit yang mengambil masa kira-kira 45 minit perlawanan.

Seterusnya pasukan Golf UniMAP juga telah memenangi acara GROSS dan dinobatkan sebagai JOHAN BERPASUKAN GROSS dalam Kejohanan Golf IPTA Antara Universiti-Universiti Malaysia Kali Ke-38, 2011 yang telah berlangsung pada 2 & 3 Julai 2011 bertempat di UTM Skudai, Johor.

Selain itu, UniMAP juga telah dinobatkan johan keseluruhan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) 2011 yang telah berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 8 hingga 17 Julai yang lalu dimana kita meraih enam pingat emas, satu perak dan empat gangsa. Bertambah manis apabila staf UniMAP iaitu Nor Haslinda Md Hussin telah dinobatkan sebagai olahragawati SUKUM 2011.

Tidak ketinggalan dua staf UniMAP iaitu Mohd Faiz Musa dan Mohd Robani Hassan (pelari 110meter berpagar) telah berjaya menempah tiket ke Kejohanan Sukan SEA yang akan berlangsung di Indonesia, November ini. Lebih membanggakan apabila, Mohd. Faiz yang merupakan pemenang pingat perak di Sukan SEA Laos dua tahun lalu, telah berjaya mencatatkan rekod baru kebangsaan dalam acara ‘Clean And Jerk’ bagi kategori 94kg dengan angkatan 191kg, sekaligus memadam rekod lama milik Edmund Yeo iaitu 190kg.

Hadirin sekalian,

Pada 15 Jun lalu, Institut Kecemerlangan Nano Elektronik (INEE UniMAP) yang ditubuhkan pada tahun 2008 telah diiktiraf sebagai

salah sebuah Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia. Apa yang lebih membanggakan adalah pada peringkat awal sebanyak 17 Pusat Penyelidikan Nano Teknologi telah disenarai pendek tetapi hanya 5 yang terpilih sebagai Pusat Kecemerlangan atas kecemerlangan penemuan dan penyelidikan dalam bidang Nano Teknologi. Syabas saya ucapkan.

Selain itu, UniMAP juga bercadang untuk mengendalikan satu **projek penternakan Burung Walit** dengan kerjasama Alumni kita sendiri iaitu saudara Tan Wei Chun dengan pelbagai kajian akan dibangunkan dalam aspek penggunaan teknologi untuk meningkatkan populasi dan pengeluaran hasil burung ini. Alumni ini adalah bekas pelajar UniMAP dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan. Namun kini beliau merupakan salah seorang teknousahawan yang berjaya dalam bidang penternakan burung walit. Saya percaya, jika kita berjaya dengan perancangan penternakan burung walit ini, Perlis khususnya akan berubah wajah dan ekonomi di negeri ini akan dijana secara besar-besaran berikutan pertambahan teknousahawan di negeri ini. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

Saya berharap dengan perkongsian maklumat sebentar tadi akan memberi input kepada semua, bahawa di UniMAP, setiap warganya adalah bertanggungjawab bagi memastikan UniMAP terus-menerus meraih kejayaan dalam apa juar bidang yang kami ceburi. Saya

sendiri sering memberi peringatan kepada diri saya sendiri untuk melakukan transformasi minda agar kita lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan yang lebih mencabar. Selain ingatan buat diri sendiri, saya juga memberi penekanan terhadap semua staf UniMAP untuk nilai-nilai seperti inovasi, berprestasi tinggi, ketepatan, ketabahan, intergriti, berilmu, setia dan bijaksana. Hal ini kerana, saya percaya individu-individu yang berjaya mentransformasikan minda mereka akan mengalami beberapa keajaiban iaitu:-

1. Meningkatkan komitmen dan usaha setiap individu untuk menilai dan mengubah cara berfikir dan menguruskan fikiran mereka ke arah pemikiran yang keterdepan untuk membuat keputusan yang terbaik.
2. Mempertingkatkan komitmen setiap individu untuk menilai dan mengubah kehendak dan keinginan kendiri sesuai dengan persekitaran dan situasi semasa yang bersifat bukan egosentrik dan tidak rasional
3. Setiap penjawat awam mampu mengurus kecerdasan emosi demi mengerat hubungan antara manusia selaras dengan peraturan kemanusiaan dan ketuhanan demi kepentingan dan keharmonian bersama.

Oleh itu, di sini ingin saya berpesan kepada semua penjawat awam, untuk sentiasa fokus dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Spesifikkan matlamat anda. Apa yang anda ingin sumbangkan kepada agensi anda. Seterusnya membina strategi

dan bertindaklah secara konsisten. Tanamkan di hati untuk mengubah sesuatu yang gagal kepada maklumbalas. Percaya bahawa sistem kepercayaan akan memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi cabaran dan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi sebagai kuasa yang mendorong kita untuk mencapai kejayaan. Apabila kita mempelajari bagaimana untuk mengubah ‘subconscious mind’ kita, kita mampu mengubah bagaimana tubuh bertindak balas. Dengan ini, saya pasti kita akan dapat mencapai apa jua yang kita fikirkan. Fikirkanlah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat Kerajaan Negeri Perlis kerana memberi peluang kepada UniMAP untuk mengelola perhimpunan bulanan kita ini. Semoga semua penjawat awam akan menjadi seorang insan kamil yang unggul dalam memajukan organisasi yang kita cintai ini.

InsyaAllah...

Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.